



# Peraduan Kempen Pembiayaan KPDRM 2.0

**CABUTAN BULANAN**  
1 OGOS - 31 OKTOBER 2020

## HADIAH UTAMA

Proton Saga 1.3 Standard Mt



## 3X HADIAH PERTAMA

Motosikal Yamaha 135 LC



## 3X HADIAH KEDUA

Barang Kemas

## 3X HADIAH KETIGA

Samsung Galaxy A51



## 15X HADIAH SAGUHATI

Peralatan Rumah

# JOM SERTAI & MENANG!

Tertakluk pada terma dan syarat peraduan  
**Penafian:** Gambar adalah sebagai ilustrasi sahaja. Hadiah sebenar adalah  
sebagaimana di dalam helaian terma & syarat.



[www.kpd.com.my](http://www.kpd.com.my)



@KoperasiPDRM



03-22608888/8999



## Terma-terma dan Syarat-syarat KEMPEN 'PERADUAN PEMBIAYAAN' KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD 2.0

Terma-terma dan Syarat-syarat untuk Kempen '**Peraduan Pembiayaan KPDRM 2.0**' ("Terma-terma dan Syarat-syarat") adalah berkuatkuasa bermula daripada tempoh kempen dilaksanakan.

1. Setiap penyebutan "KPDRM" merujuk kepada Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad.
2. Setiap penyebutan "Anggota" merujuk kepada anggota KPDRM yang menjadi ahli.

### Tempoh Kempen

3. Kempen "Peraduan Pembiayaan KPDRM" ("Kempen") ini akan berlangsung dari **01<sup>hb</sup> Ogos 2020 sehingga 31<sup>hb</sup> Oktober 2020**, ("Tempoh Kempen").
4. KPDRM menyimpan hak apabila memberikan notis yang mencukupi untuk menukar tempoh dan/atau permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen.

### Kelayakan

5. Kempen ini adalah terbuka secara eksklusif kepada:-
  - a. Semua anggota yang memohon dan seterusnya diluluskan Pembiayaan mereka yang ditawarkan oleh KPDRM sepanjang tempoh kempen **KECUALI** Pembiayaan Ekspres dan Pembiayaan ASBi-KOP.
  - b. Jumlah Pembiayaan yang diluluskan sebagaimana di perenggan (a) di atas adalah tidak kurang daripada **RM20,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu Sahaja); atau
  - c. Jumlah Pembiayaan bertindih yang diluluskan sebagaimana di perenggan (a) di atas adalah melebihi daripada **RM20,000.00** (Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu Sahaja) daripada jumlah baki pokok Pembiayaan terdahulu.
  - d. Setiap anggota yang memohon dan seterusnya diluluskan Pembiayaan mereka hanya layak menyertai satu (1) peraduan sahaja mengikut bulan Pembiayaan mereka diluluskan.
  - e. Individu yang tidak layak menyertai kempen ini adalah terdiri daripada:-
    - i. Anggota Lembaga KPDRM ("**ALK**") (termasuk Lembaga subsidiarinya dan/atau syarikat-syarikat berkenaan) dan/atau ahli-ahli keluarga terdekat mereka iaitu pasangan, anak, ibubapa, abang dan kakak; dan/ atau
    - ii. Kakitangan atau pekerja-pekerja tetap dan/atau sambilan dan/atau kontrak KPDRM ("**Kakitangan**") (termasuk subsidiarinya dan/atau syarikat-syarikat berkenaan) dan/atau ahli-ahli keluarga terdekat mereka iaitu pasangan, anak, ibubapa, abang dan kakak; dan/ atau



- iii. Jawatankuasa Audit Dalam KPDRM ("**JKAD**") dan/atau ahli-ahli keluarga terdekat mereka iaitu pasangan, anak, ibubapa, abang dan kakak; dan/ atau
- iv. Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah KPDRM ("**AJKKD**") dan/atau ahli-ahli keluarga terdekat mereka iaitu pasangan, anak, ibubapa, abang dan kakak; dan/ atau
- v. Individu di bawah umur 18 tahun;
- vi. Bukan warganegara Malaysia

(Individu selain yang dinyatakan di dalam perenggan (e) di atas adalah layak untuk menyertai Kempen ini dan selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Peserta Layak**").

- 6. KPDRM berhak untuk meluluskan atau menolak mana-mana permohonan Pembiayaan KPDRM dan/atau meminta apa-apa dokumen sokongan tambahan. Untuk mengelakkan keraguan, KPDRM mempunyai budi bicara mutlak untuk menentukan sama ada dokumen-dokumen sokongan yang diserahkan kepada KPDRM adalah cukup jelas untuk tujuan memproses permohonan Pembiayaan KPDRM.

## Hadiah

- 7. Hadiah-hadiah ("**Hadiah**") berikut akan disediakan kepada pemenang yang terpilih dalam Kempen ini:

KATEGORI	HADIAH	BILANGAN
<b>Hadiah Utama</b>	Proton Saga 1.3 Standard Mt	1 Unit
<b>Hadiah Pertama</b>	Motosikal Yamaha 135 LC	3 Unit
<b>Hadiah Kedua</b>	Barang Kemas	3 Unit
<b>Hadiah Ketiga</b>	Telefon Pintar – Samsung Galaxy A51	3 Unit
<b>Hadiah Saguhati</b>	<u>Barangan Elektrik</u> : Khind Multi Air Fryer @ Hitachi 1.8L Microcomputer Rice Cooker @ Karcher/Philips Vacuum Cleaner	15 Unit

- 8. Tempoh Kempen untuk memenangi Hadiah telah dibahagikan kepada tempoh bulanan berikut:

BULAN PENYERTAAN	TEMPOH	BILANGAN PEMENANG
<b>Bulan Pertama hingga Bulan Ketiga</b>	01 <sup>hb</sup> Ogos 2020 – 31 <sup>hb</sup> Oktober 2020	1 Hadiah Utama



<b>Bulan Pertama</b>	01 <sup>hb</sup> Ogos 2020 – 31 <sup>hb</sup> Ogos 2020	1 Hadiah Pertama 1 Hadiah Kedua 1 Hadiah Ketiga 5 Hadiah Saguhati
<b>Bulan Kedua</b>	01 <sup>hb</sup> September 2020 – 30 <sup>hb</sup> September 2020	1 Hadiah Pertama 1 Hadiah Kedua 1 Hadiah Ketiga 5 Hadiah Saguhati
<b>Bulan Ketiga</b>	01 <sup>hb</sup> Oktober 2020 – 31 <sup>hb</sup> Oktober 2020	1 Hadiah Pertama 1 Hadiah Kedua 1 Hadiah Ketiga 5 Hadiah Saguhati

9. Hadiah yang dimenangi:
  - a. adalah disediakan atas dasar "sedia ada" (*as is*);
  - b. tidak boleh dipindahmilik atau ditukar untuk wang tunai atau kredit; dan
  - c. tidak termasuk sebarang aksesori atau barangan yang dipaparkan dalam risalah atau laman web, kerana ia adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
10. Hadiah boleh mempunyai terma-terma dan syarat-syarat tersendiri dan terma-terma dan syarat-syarat tersebut hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang terkandung di sini.
11. Pemenang Hadiah Utama / Hadiah Pertama juga perlu mematuhi syarat-syarat tambahan berikut:
  - a. Pemenang Hadiah Utama / Hadiah Pertama mesti mempunyai kapasiti penuh di sisi undang-undang untuk memiliki Hadiah Utama / Hadiah Pertama serta tidak dilarang oleh mana-mana undang-undang atau peraturan untuk memiliki Hadiah Utama / Hadiah Pertama;
  - b. Hadiah Utama / Hadiah Pertama hendaklah tertakluk kepada semua syarat dan kategori kegunaan kenderaan tersebut atau tersirat atau yang dikenakan ke atas Hadiah Utama/ Hadiah Pertama. Pemenang hendaklah bertanggungjawab atas kos dan perbelanjaannya sendiri, untuk mendapatkan semua kelulusan yang diperlukan (jika berkenaan) daripada pihak berkuasa yang berkenaan untuk membolehkan pemindahan Hadiah Utama / Hadiah Pertama kepada pemenang. KPDRM tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat mendapatkan kelulusan yang diperlukan untuk memindahkan Hadiah Utama / Hadiah Pertama kepada pemenang atau Hadiah Utama / Hadiah Pertama tidak boleh dipindahmilik kepada pemenang untuk apa jua sebab;
  - c. Kos pembelian Hadiah Utama / Hadiah Pertama akan ditanggung oleh KPDRM manakala semua kos lain seperti duti setem, yuran guaman, fi pengeluaran, fi pemprosesan, fi pendaftaran, caj perkhidmatan, caj penyelenggaraan dan semua kos dan caj sampingan lain dan/atau caj yang dikenakan untuk mendapatkan Hadiah Utama / Hadiah Pertama tersebut atau untuk penyediaan apa-apa dokumen sampingan lain yang berkenaan, hendaklah ditanggung oleh pemenang.



- d. Kelayakan untuk mendapatkan Hadiah Utama / Hadiah Pertama akan dibatalkan sekiranya pemenang gagal membayar fi dan/atau caj yang dinyatakan di perenggan (d) dalam masa yang ditetapkan atau gagal mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan ke atas Hadiah Utama / Hadiah Pertama (termasuk tetapi tidak terhad kepada terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh penjual);
  - e. Semua cukai semasa dan masa depan seperti cukai jalan dan semua cukai lain, insurans, kos pengubahsuaian, perbelanjaan wang yang dikeluarkan, kos, fi dan apa-apa kos, fi dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan penyelenggaraan Hadiah Utama / Hadiah Pertama adalah tanggungjawab pemenang bermula dari tarikh pemenang menerima Hadiah Utama / Hadiah Pertama daripada KPDRM;
  - f. Sekiranya nilai pasaran Hadiah Utama / Hadiah Pertama adalah untuk apa-apa sebab lebih rendah daripada harga pembelian, KPDRM tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perbezaan antara nilai pasaran dan harga pembelian/nilai dan pemenang tidak boleh membuat apa-apa tuntutan berkenaan dengan perbezaan tersebut;
12. Semua Hadiah, nilai dan maklumat yang dinyatakan di sini adalah betul pada masa percetakan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen di dalam ini. Gambar Hadiah yang ditunjukkan dalam apa-apa bentuk pemasaran dan pengiklanan kolateral adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan warna mungkin berbeza daripada Hadiah sebenar yang diterima.
13. Sebarang Hadiah yang tidak dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan selepas pemberitahuan pemenang telah dibuat akan ditarik balik dan KPDRM berhak memilih pemenang lain.

#### Kriteria Pemilihan Pemenang Dalam Kempen Ini

- 14. Pada akhir Tempoh Kempen, Peserta Layak semasa Tempoh Kempen, akan direkodkan, dihimpun dan seterusnya dipilih secara rawak/undian menerusi satu majlis cabutan nama pemenang ("**Majlis**") yang akan diadakan secara bulanan (mengikut Tempoh Kempen).
- 15. Majlis tersebut akan dihadiri oleh wakil-wakil dari kalangan ALK, JKAD, AJKKD dan Panel Hakim yang dilantik oleh KPDRM sebagai saksi bahawa pemilihan pemenang hadiah adalah diadakan secara telus.
- 16. Cabutan nama pemenang Hadiah akan dilakukan oleh mereka yang hadir secara rawak dan mengikut kesesuaian semasa.
- 17. Majlis bagi membuat cabutan Hadiah Utama akan hanya diadakan bersama-sama dengan Majlis cabutan hadiah bulanan yang ketiga.
- 18. Semua sesi Majlis dan keputusan cabutan Hadiah akan disahkan oleh Panel Hakim dan sebarang pertikaian diputuskan oleh Panel Hakim yang dipilih oleh KPDRM dan keputusan Panel Hakim yang dipilih oleh KPDRM adalah muktamad dan mengikat.
- 19. Peserta Kempen mempunyai tanggungjawab untuk memastikan nombor telefon dan alamat surat-menyurat yang diberikan adalah terkini dan dikemaskini dengan KPDRM sekiranya terdapat perubahan. Pemberitahuan dan penyampaian hadiah oleh



KPDRM adalah berdasarkan kepada nombor telefon dan alamat surat-menyurat Peserta Layak yang dikekalkan dalam rekod KPDRM. KPDRM tidak akan bertanggungjawab kepada Pemenang untuk apa-apa kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian yang diakibatkan) ditanggung sekiranya nombor telefon atau alamat surat-menyurat Pemenang dalam rekod KPDRM adalah tidak terkini atau betul.

20. KPDRM mempunyai budi bicara untuk menetapkan tarikh dan masa untuk menghubungi Pemenang.
21. Peserta hanya layak untuk memenangi maksimum satu (1) Hadiah Bulanan sahaja yang terdiri dari mana-mana kategori Hadiah yang ditawarkan. Untuk mengelakkan keraguan, setiap peserta kempen adalah diwakili oleh satu Pembiayaan mengikut kategori pembiayaan yang diklasifikasikan layak untuk memenangi sebarang Hadiah Bulanan di bawah Kempen ini.
22. Peserta yang telah memenangi Hadiah Bulanan juga adalah layak untuk memenangi Hadiah Utama.
23. Pemenang Kempen akan menerima surat notifikasi dalam tempoh selewat-lewatnya enam (6) minggu dari tarikh pengumuman pemenang dibuat.
24. Pemenang bersetuju dan membenarkan KPDRM untuk mendedahkan maklumat pemenang (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat) kepada pengedar / ejen Hadiah yang kemudiannya akan menghubungi pemenang mengenai penghantaran atau penebusan Hadiah. Pemenang adalah bertanggungjawab untuk membuat pengaturan yang diperlukan dengan KPDRM dan/atau pengedar / agen untuk mengutip atau menebus hadiah mereka. KPDRM tidak akan menanggung apa-apa kos penginapan dan / atau pengangkutan dan / atau kos lain yang pemenang mungkin menanggung atau perlu menanggung semasa menebuskan atau menggunakan Hadiah.
25. Pemenang dikehendaki untuk menghadiri Majlis penyampaian hadiah dan / atau program publisiti lain sebagaimana dan apabila dikehendaki pada kos dan perbelanjaan sendiri.

### Terma-terma Dan Syarat-syarat Am

26. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan keputusan KPDRM. Pada masa memilih Pemenang Kempen, akaun Pembiayaan Pemenang Kempen yang terpilih **HENDAKLAH** dalam keadaan baik, teratur dan **TIDAK** memungkir mana-mana terma dan syarat yang terkandung di dalam perjanjian Pembiayaan dan / atau tidak sah dan / atau dibatalkan dalam definisi KPDRM, jika tidak, kelayakan mereka untuk menyertai atau menjadi Pemenang Kempen akan dibatalkan.
27. KPDRM berhak untuk menerbitkan dan / atau memaparkan material dan / atau informasi, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama-nama dan gambar-gambar Pemenang Kempen di bawah Kempen ini untuk tujuan pemasaran, pengiklanan dan publisiti KPDRM dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta Layak memberi kuasa kepada KPDRM untuk menerbitkan dan / atau memaparkan nama dan gambar Peserta Layak untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Ketidakpatuhan akan menyebabkan pemenang alternatif dipilih.



28. Keputusan KPDRM dan / atau Panel Hakim KPDRM berkenaan dengan semua aspek Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif.
29. KPDRM tidak akan bertanggungjawab terhadap Hadiah, produk-produk dan / atau perkhidmatan yang ditawarkan di bawah Kempen ini. Hadiah, produk-produk dan / atau perkhidmatan adalah ditawarkan dan / atau disediakan oleh penjual-penjual dan pembekal-pembekal yang relevan, di bawah terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh penjual-penjual dan pembekal-pembekal dan KPDRM tidak akan menerima apa-apa liabiliti (termasuk tanpa batasan, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, akibat, teladan, punitif atau ganti rugi khas daripada mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul samada secara kontrak, tort, kecuaiian atau lain-lain yang berkaitan dengan Kempen ini walaupun sekiranya KPDRM telah dinasihati atas kemungkinan kerugian tersebut terlebih dahulu dan semua kerugian tersebut adalah dikecualikan.
30. KPDRM tidak akan melayani sebarang aduan berkenaan Hadiah, produk-produk dan / atau perkhidmatan. KPDRM tidak menjamin bahawa Hadiah Utama akan siap untuk diserahkan atau Hadiah Utama akan siap diserahkan mengikut kepuasan Peserta Layak. KPDRM tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kelewatan atau kegagalan penjual / ejen dalam mematuhi atau melaksanakan mana-mana obligasi, perjanjian dan akujanjinya berhubung dengan Hadiah Utama dan / atau sekiranya Hadiah Utama tidak dapat dipindahmilik kepada pemenang disebabkan oleh apa-apa sebab sekalipun. Sekiranya Peserta Layak tidak berpuas hati dengan mana-mana hadiah, Peserta Layak harus menuntut hak dengan penjual / pembekal yang berkenaan secara terus.
31. Dengan persetujuan atau penerimaan Hadiah, pemenang Hadiah bersetuju untuk melepaskan KPDRM, dan / atau subsidiari, syarikat bersekutu, pengarah, pegawai, pekerja dan ejen masing-masing daripada dan terhadap apa-apa tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, kerosakan, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang ditanggung oleh KPDRM, dan / atau subsidiari, syarikat bersekutu, pengarah, pegawai, pekerja dan ejen masing-masing berkenaan dengan penyertaan pemenang hadiah dalam Kempen atau penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah.
32. KPDRM tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa implikasi cukai, cukai jualan dan perkhidmatan, kos sampingan dan / atau caj lain dan / atau kerugian yang timbul dari Hadiah dan / atau kegagalan mana-mana penjual / ejen / pengedarnya. Apa-apa obligasi pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai yang harus dibayar ke mana-mana pihak berkuasa atau kos sampingan dan / atau caj lain yang disebabkan oleh penerimaan Hadiah akan menjadi tanggungjawab Peserta Layak. Setiap Peserta Layak harus bertanggungjawab untuk mendapatkan nasihat atas implikasi yang mungkin timbul terhadap situasi kewangan peribadi mereka.
33. KPDRM tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk apa-apa kerugian atau kerosakan dalam apa cara sekalipun yang ditanggung oleh Peserta Layak atau mana-mana pihak (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, langsung atau tidak langsung, sampingan, akibat, teladan, punitif atau ganti rugi khas daripada mana-mana pihak) yang timbul dalam apa cara pun, berhubung dengan penyertaan atau tidak menyertai dalam Kempen ini.



34. KPDRM berhak untuk meminda, mengubah, memotong, atau menambah ("Pindaan") mana-mana Terma-terma dan Syarat-Syarat Kempen ini atau mana-mana bahagiannya dan / atau menukar atau menggantikan Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini dan/atau melanjutkan, memodifikasi, menggantung, memendekkan tempoh Kempen atau memberhentikan, membatalkan atau menamatkan Kempen ini tanpa notis. Tiada pampasan dalam tunai atau dalam apa jenis jua akan diberikan kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung disebabkan oleh pengubahan, pemotongan, penambahan atau pemindaan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan / atau pelanjutan, modifikasi, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini.
35. Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat dalam promosi iklan Kempen dan / atau produk berkenaan yang sedia ada dan harus mengatasi apa-apa pencanggahan terma-terma, syarat-syarat, peruntukan-peruntukan atau representasi-representasi di dalam mana-mana material promosi iklan Kempen.
36. Untuk maklum balas dan / atau aduan berkenaan Kempen, Peserta Layak boleh menghubungi KPDRM yang mempunyai alamat, nombor telefon dan faksimili berikut:

Bangunan Koperasi Polis,  
No. 1, Jalan Sulaiman,  
50000 Kuala Lumpur  
Tel : 603 2260 8888, 603 2260 8889  
Faks : 603 9212 8443  
Emel : info@kpd.com.my